

Dr. Mahathir,
Megawati
hadiri
mesyuarat
Khamis ini

UM 26 AUG 2003
KUCHING 25 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Soekarnoputri dijadual mengadakan Mesyuarat Dua Hala Tahunan Malaysia-Indonesia di sini Khamis ini.

Jabatan Penerangan Negeri Sarawak dalam kenyataannya hari ini berkata, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, dijadual tiba pagi Khamis diikuti ketibaan Presiden Megawati pada waktu tengah hari.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah juga dijadual membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Megawati di sebuah hotel terkemuka di bandar raya ini.

Mesyuarat tertutup antara kedua-dua pemimpin akan diadakan di hotel yang sama dan seterusnya berlangsung mesyuarat dua hala Malaysia-Indonesia.

Pada waktu yang sama, Dr. Siti Hasmah mempunyai atur cara berasingan iaitu menerima Ijazah Kehormat Kedokteran Sains pada Konvokesyen Khas Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan.

Kedua-dua pemimpin dijadual pulang pada pagi Jumaat ini.